



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

2022 PELAN 2026 ANTIRASUAH

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
SPA ANTI-CORRUPTION
PLAN (SACP)





SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

2022 **PELAN**
2026 **ANTIRASUAH**
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
SPA ANTI-CORRUPTION
PLAN (SACP)

Perutusan Pengerusi

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Di kesempatan ini, saya memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana atas keizinan dan kurniaNya, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) telah berjaya membangunkan Pelan Antirasuah SPA / SPA Anti-Corruption Plan (SACP) 2022 - 2026 dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Ini merupakan bukti komitmen dan keseriusan SPA dalam memastikan SPA sentiasa bersih dan bebas daripada sebarang gejala rasuah, salah guna kuasa yang boleh memberi imej dan persepsi buruk kepada SPA.

Pelan yang telah dibangunkan ini merupakan satu pelan yang strategik dan menyeluruh yang mana telah mengambil kira risiko-risiko kelemahan dan ketirisan dalam aspek governans, integriti dan rasuah di SPA. Warga SPA bertanggungjawab untuk memastikan inisiatif-inisiatif dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan.

SPA komited untuk melaksanakan dengan jayanya semua inisiatif yang dinyatakan dalam pelan ini dan akan mengenal pasti sebarang penambahbaikan yang boleh dilakukan serta memastikan inisiatif yang dilaksanakan adalah sejajar dengan prinsip yang digariskan dalam Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) agar usaha-usaha pengukuhan integriti, governans dan antirasuah yang dirancang berjaya dilaksanakan.



Saya percaya semua warga SPA akan memberi kerjasama dan sokongan penuh bagi pelaksanaan SACP2022 - 2026 yang mana ia mampu memberi impak positif kepada SPA dan menjadikan SPA sebuah agensi yang berintegriti dan bebas rasuah. Selain itu, ia juga akan menaikkan imej dan meningkatkan keyakinan orang awam terhadap sistem penyampaian perkhidmatan SPA yang lebih baik dan berkesan.

Ucapan tahniah dan penghargaan kepada semua pihak atas usaha gigih dan proaktif yang disumbangkan dalam membangunkan pelan ini. Saya percaya melalui SACP 2022 - 2026 ini, visi SPA untuk menjadi pihak berkuasa melantik yang berintegriti, dinamik dan profesional dalam urusan pelantikan dan urusan perkhidmatan penjawat awam di Malaysia dapat direalisasikan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI UTAMA ZAINAL RAHIM BIN SEMAN

Amanat Setiausaha SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana atas izin dan kurniaNya, SACP 2022 – 2026 berjaya disiapkan walaupun dengan pelbagai cabaran dan kekangan yang ditempuhi. Syabas dan tahniah diucapkan kepada Jawatankuasa Pembangunan SACP 2022 – 2026, urus setia serta semua pihak yang terlibat dalam membangunkan pelan ini. Pelan ini merupakan satu panduan bagi memelihara integriti warga SPA dan menambahbaik sistem pengurusan antirasuah di dalam Suruhanjaya ini.

Dengan terlahirnya SACP 2022 – 2026 ini, Suruhanjaya ini komited untuk merealisasikan aspirasi Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang bebas rasuah dan masyarakat berintegriti tinggi. Kerangka inisiatif dan strategi di dalam pelan ini terhasil dari sesi perbincangan dan bengkel yang dijalankan bersama pegawai-pegawai SPA bagi mendapatkan pandangan dan persetujuan yang saksama agar keberkesanan pelan ini mampu dijayakan.

Justeru, saya menyeru semua warga SPA agar dapat bersama menggembeng tenaga dan



usaha ke arah satu suasana penyampaian fungsi SPA yang lebih berintegriti, bertanggungjawab dan diyakini ketelusannya. Matlamat ini tidak akan tercapai tanpa kerjasama dan sokongan padu oleh semua pihak. Maka, marilah sama-sama kita menekuni dan melaksanakan setiap inisiatif yang telah dirangka di dalam SACP 2022 – 2026 ini agar matlamat penggubalan dokumen ini dapat dicapai seterusnya memberikan impak yang diharapkan.

Sekian, terima kasih.

DATUK ZOHARI BIN SAID

“Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya).”

Al-Baqarah: 188

Pernyataan Komitmen PENGURUSAN TERTINGGI SPA

Pembangunan SACP 2022 - 2026 ini mencerminkan komitmen Pengurusan Tertinggi SPA untuk memastikan organisasi ini ditadbir dengan telus berpandukan kepada prinsip integriti, tadbir urus yang baik dan memerangi segala bentuk gejala rasuah. Melalui bengkel dan perbincangan yang diadakan, SPA telah mengenal pasti pelbagai risiko di Bahagian dan Unit masing-masing. Justeru, pelbagai inisiatif telah dikenal pasti untuk menangani isu-isu dan risiko-risiko ini. Bagi memastikan kejayaan pelaksanaan SACP 2022 - 2026 ini, Pengurusan Tertinggi SPA komited dan bertekad untuk memastikan segala inisiatif yang dirancang dapat dilaksanakan mengikut jangka masa yang dijadualkan. Semua warga SPA turut sama menjiwai dan menghayati matlamat utama pembangunan pelan ini agar ia memberikan impak yang positif kepada SPA. Semoga SACP 2022 - 2026 ini dijadikan panduan oleh warga SPA dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan, seterusnya membantu merealisasikan Visi dan Misi SACP ini.

Singkatan

BPA	Biro Pengaduan Awam
CPI	Corruption Perception Index
CRA	Corruption Risk Assessment
CRM	Corruption Risk Management
DG	Bahagian Digital dan Informatik
DP	Bahagian Dasar dan Perhubungan Korporat
KP	Bahagian Khidmat Pengurusan
KT	Bahagian Perkhidmatan
MACA	Malaysia Anti-Corruption Academy
NACP	National Anti-Corruption Plan
NT	Bahagian Naik Pangkat dan Tata tertib
PG	Bahagian Pengambilan
PK	Bahagian Pengambilan Khas
PE	Bahagian Penilaian Kompetensi
SACP	SPA Anti-Corruption Plan
SPA	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia
SB	Urus Setia SPA Cawangan Sabah
SPAN	Sistem Pengurusan Audit Nilai
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
SPKP	Urus Setia Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan
SK	Urus Setia SPA Cawangan Sarawak
UFPK	Ujian Fizikal, Pancaindera dan Kecergasan
UI	Unit Integriti
UM	Urus Setia Mesyuarat Suruhanjaya

Ringkasan EKSEKUTIF

SACP 2022 – 2026 merupakan dokumen yang dihasilkan secara menyeluruh dan bersepadu dengan mengambil kira pandangan warga SPA dalam usaha mencegah rasuah serta meningkatkan tadbir urus organisasi seiring dengan matlamat NACP.

Visi SACP ini adalah untuk Menjadikan SPA sebagai pihak berkuasa melantik yang berintegriti, profesional dan bebas rasuah. Manakala misi SACP adalah mewujudkan budaya kerja yang cemerlang dan berintegriti.

Tiga (3) bidang keutamaan telah dikenal pasti dalam SACP iaitu **pengambilan, perkhidmatan** serta **tadbir urus dan kewangan**. Tiga (3) strategi untuk mencapai objektif SACP adalah seperti berikut:

Memperkasa integriti dan memperkemas mekanisme kawalan ke atas urusan pengambilan secara berkesan;

1

2

Memantapkan ketelusan dan integriti dalam proses perkhidmatan; dan

3

Meningkatkan ketelusan pentadbiran dan kompetensi pegawai.

Pelaksanaan pelan tindakan dalam SACP ini akan dipantau secara berkala dan akan dikaji semula pada tahun 2024.

Kandungan

BAB 1	Pengenalan SPA	1
	Latar Belakang SPA Visi dan Misi Fungsi dan Peranan SPA Bidang Kuasa SPA Pembangunan SACP 2022-2026	
BAB 2	Isu dan Cabaran	7
	Isu dan Cabaran Pencegahan Rasuah di Malaysia Penarafan Tahap Risiko Rasuah SPA Statistik Kes Rasuah SPA Statistik Tindakan Tatatertib Analisis Persekitaran dan Penilaian Risiko Bidang Keutamaan Berisiko Cabaran dan Potensi Risiko	
BAB 3	Memperkasa Usaha Pencegahan Rasuah	16
	Keperluan Kerangka SACP Kerangka SACP Bidang Keutamaan dan Strategi Pelan Tindakan	
BAB 4	Tadbir Urus	28
	Mekanisme Pelaksanaan dan Pemantauan Struktur Tadbir Urus	
BAB 5	Kesimpulan	32
	Kesimpulan Penghargaan	

**“ Integrity is doing the
right thing. Even when no
one is watching ”**

C.S. Lewis



BAB 1

Pengenalan



Latar Belakang SPA

SPA telah ditubuhkan mengikut Perkara 139 (1) Perlembagaan Persekutuan pada 31 Ogos 1957.

Tugas-tugas Suruhanjaya adalah selaras dengan Perkara 144(1) Perlembagaan Persekutuan, Suruhanjaya bertanggungjawab:

- 1 Melantik;
- 2 Mengesahkan;
- 3 Memasukkan ke dalam perjawatan tetap atau perjawatan berpenyen;
- 4 Menaikkan pangkat;
- 5 Menukar; dan
- 6 Menjalankan kawalan tatatertib ke atas pegawai yang berada dalam perkhidmatan di bawah bidang kuasanya.

VISI

Menjadi pihak berkuasa melantik yang berintegriti, dinamik dan profesional dalam urusan pelantikan dan perkhidmatan penjawat awam.



MISI

Melantik penjawat awam yang berintegriti dan kompeten melalui penilaian yang holistik dan melaksanakan urusan perkhidmatan penjawat awam secara cekap dan berkesan.



Fungsi dan Peranan SPA

Fungsi SPA di bawah Perkara 144(1), Perlembagaan Persekutuan adalah meliputi perkara-perkara berikut:

1 Melantik

Mengurus pelantikan anggota Perkhidmatan Awam secara tetap, sementara, kontrak, tukar sementara dan pinjaman. Suruhanjaya berkuasa menamatkan perkhidmatan anggota Perkhidmatan Awam mengikut syarat-syarat pelantikan.

2 Mengesahkan Dalam Perkhidmatan

Mengesahkan anggota Perkhidmatan Awam dalam perkhidmatan, melanjutkan tempoh percubaan, mengembalikan kakitangan ke jawatan asalnya atau menamatkan perkhidmatan kerana kegagalan disahkan dalam jawatan.

3 Kemasukan Ke Dalam Jawatan Berpencen

Menguruskan pemberian taraf berpencen kepada anggota perkhidmatan yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan telah berkhidmat dalam perkhidmatan-perkhidmatan yang boleh diambilkira sebagai perkhidmatan berpencen untuk tempoh tidak kurang daripada 3 tahun.

4 Menaikkan Pangkat

Berfungsi sebagai pihak yang berkuasa untuk melaksanakan fungsi Lembaga Kenaikan Pangkat bagi kenaikan pangkat pegawai-pegawai yang menjadi Ahli Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam. Selain itu Suruhanjaya juga turut berfungsi sebagai Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Peraturan-peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam yang berkenaan.

5 Menukar

Menukar pelantikan bagi anggota Perkhidmatan Awam dari satu skim perkhidmatan ke satu perkhidmatan yang lain, atau menukar perkhidmatan dari satu perkhidmatan ke perkhidmatan yang lain untuk skim perkhidmatan yang sama. Suruhanjaya juga berkuasa menukar tetap pegawai-pegawai yang dilantik secara tukar sementara dan pinjaman.

6 Menjalankan Kawalan Tatatertib

Pihak Berkuasa Tatatertib bagi tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat ke atas pegawai-pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta sebagai Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Peraturan-Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam yang berkenaan.

Bidang Kuasa SPA

Bidang kuasa Suruhanjaya meliputi:

- 1 Pegawai Perkhidmatan Awam Am Persekutuan di bawah Perkara 132(1)(c) Perlembagaan Persekutuan;
- 2 Anggota Perkhidmatan Awam Bersama yang am bagi Persekutuan dan bagi satu atau beberapa buah negeri yang ditubuhkan oleh undang-undang Persekutuan sebagai satu Perkhidmatan Awam di bawah Perkara 132(1)(f) Perlembagaan Persekutuan; dan
- 3 Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Perlis dan Negeri Sembilan.

Pembangunan SACP 2022-2026

Pembangunan SACP 2022-2026 melibatkan beberapa proses utama yang harus dilalui oleh sesebuah organisasi. Untuk tujuan pembangunan SACP 2022 – 2026 ini, ia dimulakan dengan penubuhan Jawatankuasa Pembangunan SACP 2022-2026. Keanggotaan ahli jawatankuasa ini terdiri daripada wakil-wakil Bahagian di SPA. Senarai penuh Ahli Jawatankuasa Pembangunan SACP 2022-2026 adalah seperti di Lampiran 1.

Beberapa siri bengkel, taklimat dan perbincangan telah diadakan dalam usaha membangunkan SACP ini. Antaranya adalah:

1. Bengkel Pengurusan Risiko Rasuah pada 1 hingga 3 Mac 2021 yang diadakan secara hibrid di mana peserta menghadiri bengkel di Bilik Latihan Lavender manakala penceramah dari Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) hadir secara maya;
2. Bengkel Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi pada 16 hingga 19 Ogos 2021 yang diadakan secara maya oleh MACA;

3. Sesi Perbincangan Pembangunan Pelan Antirasuah SPA bertempat di Bilik Latihan Lavender pada 16 November 2021;

4. Sesi Perbincangan Pembangunan Pelan Antirasuah SPA secara maya bersama Ahli Jawatankuasa Pembangunan SACP Cawangan Sabah dan Sarawak pada 25 November 2021;

5. Bengkel Pemurnian Pelan Antirasuah SPA Siri 1 pada 8 Februari 2022 bertempat di Bilik Mesyuarat Suruhanjaya SPA; dan

6. Bengkel Pemurnian Pelan Antirasuah SPA Siri 2 pada 1 April 2022 bertempat di Bilik Bendahara, Hotel Mudzaffar, Ayer Keroh, Melaka.



“ In looking for people to hire,
look for three qualities:
INTEGRITY, intelligence and
energy. And if they don't
have the **first**, the other two
will kill you. ”

Warren Buffet



BAB 2


ISU DAN CABARAN



Isu dan Cabaran PENCEGAHAN RASUAH DI MALAYSIA


NACP 2019 – 2023 merupakan dokumen utama yang menggariskan tindakan menyeluruh dan bersepadu dalam memerangi rasuah di Malaysia. NACP mengenalpasti sebanyak sepuluh (10) sektor di Malaysia yang cenderung kepada rasuah. Tiga (3) sektor yang paling terdedah kepada rasuah adalah sektor perolehan, penguatkuasaan dan pentadbiran. Perincian lanjut berhubung perkara ini ditunjukkan dalam Carta 1.

Carta 1 : Sektor Yang Cenderung Kepada Rasuah



Selain itu, NACP turut menyenaraikan sebanyak sembilan (9) punca yang menyebabkan rasuah berlaku di Malaysia. Carta 2 menunjukkan bahawa kelemahan pentadbiran (36.43%) dan konflik kepentingan (33.12%) merupakan punca tertinggi berlakunya rasuah di Malaysia. Selain itu, rasuah di Malaysia juga berlaku disebabkan kelemahan dalam kawalan dalaman dan ketidakpatuhan.

Carta 2 : Punca Rasuah di Malaysia



Penarafan Tahap RISIKO RASUAH SPA

SPA merupakan organisasi yang bertanggungjawab terhadap pengambilan dan pelantikan anggota-anggota Perkhidmatan Awam. Penarafan semula risiko pada tahun 2020 oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mendapati SPA telah dikategorikan sebagai organisasi yang berisiko sederhana.



Faktor dan item yang menyumbang kepada risiko sederhana adalah berdasarkan skor data dalaman SPRM dalam tempoh penilaian, perkhidmatan teras dan data pelanggaran integriti dari Agensi Kawal Selia.

Statistik KES RASUAH SPA

Bagi tahun 2016 hingga 2021, SPRM menerima sejumlah 11 maklumat melibatkan pegawai dan kakitangan SPA. Daripada jumlah tersebut, hanya empat (4) kes sahaja dibuka Kertas Penyiasatan Awal. Perincian lanjut adalah seperti di Rajah 1.

TAHUN	MAKLUMAT	KERTAS PENYIASATAN AWAL	KERTAS SIASATAN	TANGKAPAN	PERTUDUHAN	SABITAN
2016	0	0	0	0	0	0
2017	5	0	0	0	0	0
2018	0	2	0	0	0	0
2019	5	2	0	0	0	0
2020	0	0	0	0	0	0
2021	1	0	0	0	0	0
JUMLAH	11	4	0	0	0	0

Rajah 1

Sumber: Ibu Pejabat SPRM

Statistik TINDAKAN TATATERTIB

Statistik Tindakan Tatatertib pegawai dan kakitangan SPA bagi tahun 2017 hingga 2021 adalah seperti di Rajah 2.

HUKUMAN	2017	2018	2019	2020	2021
Amaran	-	-	6	1	2
Tanggung Pergerakan Gaji	-	-	2	-	-
Tanggung Gaji	-	-	1	-	-
Turun Gaji	-	-	-	-	2
Lucut Hak Emolumen	-	-	-	-	1
Buang Kerja	-	-	1	1	-

Rajah 2

Sumber: Unit Integriti SPA

Analisis

PERSEKITARAN DAN PENILAIAN RISIKO

SPA telah melaksanakan Penilaian Risiko Rasuah (*Corruption Risk Assessment - CRA*) bagi mengenal pasti risiko-risiko yang mungkin menjejaskan operasi dan imej organisasi. Dalam menganalisis risiko rasuah di SPA, input-input berikut telah diguna pakai:

1. Dapatan daripada Bengkel Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) pada 1 hingga 3 Mac 2021;
2. Dapatan daripada Bengkel Pembangunan Pelan Antirasuah SPA pada 16 hingga 19 Ogos 2021;
3. Dapatan daripada Sesi Perbincangan Pembangunan Pelan Antirasuah SPA pada 17 dan 25 November 2021;
4. Data-data dalaman organisasi seperti aduan, kes-kes tatatertib, kajian kepuasan pelanggan dan Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN);
5. Data-data daripada agensi luar seperti Laporan Ketua Audit Negara dan Biro Pengaduan Awam (BPA);
6. Statistik Kes Rasuah SPA Bagi Tahun 2016-2021 daripada SPRM; dan
7. Pengesanan dan Pengesahan Unit Integriti SPA.

Berdasarkan dapatan daripada bengkel yang telah dilaksanakan, punca-punca utama boleh berlakunya perlakuan rasuah, kelemahan tadbir urus dan salah laku integriti adalah seperti berikut:

1. Kawalan Dalaman dan Ketidakpatuhan;
2. Kegagalan Tadbir Urus (Manipulasi Terhadap Sistem dan Prosedur);
3. Konflik Kepentingan;
4. Kadar Keberhutangan Serius; dan
5. Kurang Kesedaran Antirasuah.



Bidang **KEUTAMAAN BERISIKO**

Keutamaan dalam penyediaan CRA diberikan kepada tiga (3) bidang utama melalui 12 Bahagian yang terdedah kepada risiko governans, integriti dan rasuah iaitu:

1. Pengambilan

Pengambilan merujuk kepada semua hal ehwal pengambilan untuk memasuki Perkhidmatan Awam di bawah SPA. Bahagian yang terlibat dalam bidang keutamaan pengambilan ini adalah Bahagian Pengambilan, Bahagian Pengambilan Khas, Bahagian Penilaian Kompetensi, Urus Setia SPA Cawangan Sabah, Urus Setia SPA Cawangan Sarawak, Bahagian Digital dan Informatik dan Urus Setia Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan. Amalan sistem dan proses kerja yang ditambah baik dapat membantu menutup ruang dan peluang rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

2. Perkhidmatan

Perkhidmatan merujuk kepada semua hal ehwal perkhidmatan penjawat awam yang merangkumi urusan pengesahan pelantikan,

pengesahan dalam perkhidmatan, kenaikan pangkat dan tata tertib serta penamatan perkhidmatan. Bahagian yang terlibat dalam bidang keutamaan ini adalah Bahagian Perkhidmatan, Bahagian Naik Pangkat dan Tata tertib, Bahagian Digital dan Informatik, Urus Setia SPA Cawangan Sabah, Urus Setia SPA Cawangan Sarawak dan Urus Setia Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan.

3. Tadbir urus dan Kewangan

Tadbir urus dan Kewangan merujuk kepada semua hal ehwal pentadbiran, kewangan serta perolehan di SPA. Dalam bidang keutamaan ini, setiap Bahagian di SPA mempunyai peranan masing-masing kerana ia melibatkan pelaksanaan dasar dan proses kerja yang ditambah baik untuk menutup ruang dan peluang rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

Cabaran dan Potensi RISIKO

Cabaran dan potensi risiko yang dihadapi oleh SPA dalam bidang pengambilan, perkhidmatan dan tadbir urus merangkumi perkara-perkara seperti berikut:

1. Memanipulasi maklumat urusan pengambilan

Permintaan dan penawaran rasuah, kebocoran maklumat, pindaan jadual temu duga dan pindaan keputusan yang melibatkan antara urus setia, panel, calon dan penguji.

2. Kebocoran instrumen penilaian

Pegawai membocorkan soalan peperiksaan dan meminda keputusan peperiksaan calon.

3. Panel temu duga terlibat rasuah, salah laku dan tidak kompeten

Berlakunya penawaran dan permintaan rasuah di antara panel, penguji dan calon dengan mendedahkan maklumat urusan temu duga, bersubahat dengan mana-mana pihak, menemu duga keluarga terdekat dan menerima hadiah daripada calon.

4. Memanipulasi maklumat urusan perkhidmatan

Membocorkan dan meminda maklumat urusan perkhidmatan seperti naik pangkat,

tatatertib, pengesahan pelantikan, pengesahan dalam perkhidmatan, urusan pertukaran, pembatalan tawaran pelantikan dan penamatan perkhidmatan.

5. Ketidaktelusan dalam urusan kewangan dan perolehan

Pegawai membocorkan maklumat tender dan sebut harga, pemalsuan dokumen perolehan dan tuntutan palsu.

6. Pelanggaran integriti, salah laku dan rasuah

Pegawai terlibat dengan isu rasuah, jenayah, kehadiran, tuntutan palsu, pekerjaan luar tanpa kebenaran dan keberhutangan yang serius.

7. Ketidakpatuhan sistem dan prosedur serta kurang kompeten

Pegawai tidak mematuhi sistem dan prosedur dalam urusan pengambilan, perkhidmatan dan pentadbiran yang boleh menjejaskan imej SPA.

“Kerajaan beta juga hendaklah terus memberi penekanan terhadap nilai integriti dan tadbir urus yang baik. Rasuah dan salah guna kuasa hendaklah terus diperangi tanpa mengira sesiapa.”

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin AL-Mustafa Billah Shah

BAB 3

MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH



Keperluan Kerangka SACP

SPA adalah organisasi yang memainkan peranan yang penting dalam menjamin mutu pengambilan anggota-anggota Perkhidmatan Awam. Sebagai organisasi peneraju dalam urusan pengambilan anggota-anggota Perkhidmatan Awam, pengukuhan integriti dan tadbir urus serta pencegahan rasuah dalam sistem dan prosedur kerja di SPA adalah amat penting. Dalam hubungan ini, pembangunan SACP 2022 – 2026 yang menangani isu-isu dalaman organisasi berkaitan salah laku rasuah, kelemahan integriti dan tadbir urus adalah tepat bagi mencapai visi dan misi SPA.

Sehubungan itu, SPA telah menetapkan tiga (3) strategi utama bagi menangani risiko rasuah dan salah laku integriti di SPA khususnya dalam bidang berisiko tinggi iaitu Pengambilan, Perkhidmatan serta Tadbir Urus dan Kewangan. Pelaksanaan pelan ini diharap mampu memantapkan proses tadbir urus, meningkatkan tahap ketelusan dan mengukuhkan sistem pentadbiran SPA.



Kerangka SACP

VISI

Menjadikan SPA sebagai Pihak Berkuasa Melantik Yang Berintegriti, Profesional dan Bebas Rasuah

MISI

Mewujudkan Budaya Kerja Yang Cemerlang dan Berintegriti

MATLAMAT

1. Memperkasa pengurusan pelantikan penjawat awam
2. Penyampaian khidmat pengurusan yang efisien, sistematik dan berkesan

Bidang Keutamaan dan Strategi

PENGAMBILAN

Memperkasa integriti dan memperkemas mekanisme kawalan ke atas pengambilan secara berkesan

PERKHIDMATAN

Memantapkan ketelusan dan integriti dalam proses perkhidmatan

TADBIR URUS DAN KEWANGAN

Meningkatkan ketelusan pentadbiran dan kompetensi pegawai

“Isu rasuah bukan lagi isu individu yang boleh diselesaikan dengan mudah tetapi perlu ditangani secara kolektif dan sistematik.”

YBhg. Tan Sri Mohd Zuki Bin Ali
Ketua Setiausaha Negara
(*Sinar Harian, 9 Februari 2021*)



Pelan Tindakan

Bidang Keutamaan I: PENGAMBILAN

STRATEGI		MEMPERKASA INTEGRITI DAN MEMPERKEMAS MEKANISME KAWALAN KE ATAS PENGAMBILAN SECARA BERKESAN			
OBJEKTIF STRATEGIK		Mempertingkatkan ketelusan maklumat dan integriti dalam urusan pengambilan			
Bil.	Potensi Risiko	Elemen	Inisiatif / Tindakan	Pelaksana	Tempoh Masa
1.	Memanipulasi maklumat urusan pengambilan	Sistem	Menambahbaik sistem eSMSM, MyGIM dan MyResume	PG, PK, SPKP, DG	Berterusan (2022-2026)
2.	Memanipulasi maklumat urusan pengambilan	Sistem	Mengehadkan capaian pegawai ke atas sistem pengambilan berdasarkan skop tugas pegawai	PG, PK, PE, SPKP, SB, SK, DG	Berterusan (2022-2026)
3.	Memanipulasi maklumat urusan pengambilan	Sistem	Menambahbaik sistem dengan ciri-ciri keselamatan yang lebih tinggi	PG, PK, SPKP, DG	2 tahun (2022-2024)
4.	Memanipulasi maklumat urusan pengambilan	Sistem	Mewujudkan sistem MyUFPK	PE, DG	2 tahun (2022-2024)
5.	Memanipulasi maklumat urusan pengambilan	Personel	Menyediakan mekanisme jaminan kualiti yang <i>standard</i> iaitu penyelarasan, pemantauan, pengesanan dan pementoran	PG, PK, SPKP, PE	2 tahun (2022-2024)

Bidang Keutamaan I: PENGAMBILAN

STRATEGI		MEMPERKASA INTEGRITI DAN MEMPERKEMAS MEKANISME KAWALAN KE ATAS PENGAMBILAN SECARA BERKESAN			
OBJEKTIF STRATEGIK		Mempertingkatkan ketelusan maklumat dan integriti dalam urusan pengambilan			
Bil.	Potensi Risiko	Elemen	Inisiatif / Tindakan	Pelaksana	Tempoh Masa
6.	Memanipulasi maklumat urusan pengambilan	Peraturan	Pelantikan Penguji selain dari Jabatan yang sama dengan urusan pengambilan sesuatu Jabatan/ Agensi	PE	1 tahun (2022-2023)
7.	Memanipulasi maklumat urusan pengambilan	Proses Kerja	Menambahbaik Manual Prosedur Kerja bagi pelaksanaan penilaian UFPK	PE	1 tahun (2022-2023)
8.	Kebocoran instrumen penilaian	Peraturan	Memperkemaskan prosedur keluar masuk ke kawasan larangan	KP, PE	1 tahun (2022-2023)
9.	Kebocoran instrumen penilaian	Peraturan	Memperkemaskan prosedur pergerakan dokumen terperingkat selaras dengan Arahan Keselamatan	KP, PE	1 tahun (2022-2023)

Bidang Keutamaan I: PENGAMBILAN

STRATEGI		MEMPERKASA INTEGRITI DAN MEMPERKEMAS MEKANISME KAWALAN KE ATAS PENGAMBILAN SECARA BERKESAN			
OBJEKTIF STRATEGIK		Mempertingkatkan ketelusan maklumat dan integriti dalam urusan pengambilan			
Bil.	Potensi Risiko	Elemen	Inisiatif / Tindakan	Pelaksana	Tempoh Masa
10.	Panel temu duga terlibat rasuah, salah laku dan tidak kompeten	Personel	Melaksanakan ujian psikometrik sebagai elemen dalam kursus pentauliah panel temu duga	PG, PK	Berterusan (2022-2026)
11.	Panel temu duga terlibat rasuah, salah laku dan tidak kompeten	Peraturan	Menguatkuasakan tindakan menyenaraihitam panel temu duga daripada mengikuti sebarang urusan temu duga di SPA	PG, PK	Berterusan (2022-2026)
12.	Panel temu duga terlibat rasuah, salah laku dan tidak kompeten	Proses kerja	Meneruskan taklimat kesedaran kepada panel temu duga tentang risiko rasuah dan kaedah pengurusan insiden rasuah	PG, PK, UI	Berterusan (2022-2026)

Bidang Keutamaan 2: PERKHIDMATAN


STRATEGI		MEMANTAPKAN KETELUSAN DAN INTEGRITI DALAM PROSES PERKHIDMATAN			
OBJEKTIF STRATEGIK		Mempertingkatkan ketelusan dan kecekapan dalam pengurusan perkhidmatan dan tata tertib			
Bil.	Potensi Risiko	Elemen	Inisiatif / Tindakan	Pelaksana	Tempoh Masa
13.	Memanipulasi maklumat urusan perkhidmatan	Sistem	Mengehadkan akses kepada pegawai yang melaksanakan proses mengunci masuk kertas pertimbangan dalam sistem (eCirculation, eKS SPKP)	NT, UM, SPKP, DG	Berterusan (2022-2026)
14.	Memanipulasi maklumat urusan perkhidmatan	Sistem	Mengehadkan capaian pegawai ke atas sistem perkhidmatan berdasarkan skop tugas pegawai	KT, NT, SPKP, DG	Berterusan (2022-2026)
15.	Memanipulasi maklumat urusan perkhidmatan	Sistem	Mewujudkan dan mengintegrasikan kesemua sistem yang digunakan bagi urusan perkhidmatan untuk membolehkan semua permohonan dibuat melalui sistem secara sepenuhnya	KT, DG	2 tahun (2022-2024)
16.	Memanipulasi maklumat urusan perkhidmatan	Sistem	Mewujudkan sistem pengurusan kes tata tertib (format kertas kerja) secara bersepadu dan dalam talian melibatkan SPA / JPA / Kementerian / Jabatan	NT, DG	2 tahun (2022-2024)

Bidang Keutamaan 3: TADBIR URUS DAN KEWANGAN

STRATEGI		MENINGKATKAN KETELUSAN PENTADBIRAN DAN KOMPETENSI PEGAWAI			
OBJEKTIF STRATEGIK		Memperkemaskan Tadbir Urus dan Pentadbiran Kewangan Kerajaan			
Bil.	Potensi Risiko	Elemen	Inisiatif / Tindakan	Pelaksana	Tempoh Masa
17.	Ketidaktelusan dalam urusan kewangan dan perolehan	Proses kerja	Melaksanakan Audit Dalam secara berkala dalam urusan kewangan dan perolehan	KP	Berterusan (2022-2026)
18.	Ketidakpatuhan sistem dan prosedur serta kurang kompeten	Proses kerja	Mempertingkatkan kompetensi pegawai melalui latihan mengikut keperluan skop tugas	KP	Berterusan (2022-2026)
19.	Pelanggaran integriti, salah laku dan rasuah	Proses kerja	Mengadakan taklimat dan kursus integriti kepada pegawai-pegawai SPA	UI	Berterusan (2022-2026)
20.	Pelanggaran integriti, salah laku dan rasuah	Proses kerja	Membuat peringatan berkala secara siaraya / emel tentang integriti	UI	Berterusan (2022-2026)
21.	Pelanggaran integriti, salah laku dan rasuah	Proses kerja	Membuat hebahan berkaitan saluran aduan Unit Integriti	UI	Berterusan (2022-2026)
22.	Pelanggaran integriti, salah laku dan rasuah	Proses kerja	Mengadakan taklimat keselamatan dokumen / maklumat terperinci kepada semua pegawai SPA	KP	Berterusan (2022-2026)

Bidang Keutamaan 3: TADBIR URUS DAN KEWANGAN

STRATEGI		MENINGKATKAN KETELUSAN PENTADBIRAN DAN KOMPETENSI PEGAWAI			
OBJEKTIF STRATEGIK		Memperkemaskan Tadbir Urus dan Pentadbiran Kewangan Kerajaan			
Bil.	Potensi Risiko	Elemen	Inisiatif / Tindakan	Pelaksana	Tempoh Masa
23.	Pelanggaran integriti, salah laku dan rasuah	Proses kerja	Mengadakan taklimat pengurusan kewangan peribadi kepada semua pegawai SPA	KP	Berterusan (2022-2026)
24.	Pelanggaran integriti, salah laku dan rasuah	Proses kerja	Menambahbaik pelaksanaan <i>job rotation</i> bagi pegawai yang telah berkhidmat lebih daripada tiga (3) tahun hingga lima (5) tahun	KP	Berterusan (2022-2026)
25.	Pelanggaran integriti, salah laku dan rasuah	Proses kerja	Memberikan informasi berkaitan penipuan dan rasuah serta kesannya kepada pemohon-pemohon melalui pelbagai platform (facebook / portal / Hari Bersama Pelanggan / Vlog)	PG, PK, DP, UI	Berterusan (2022-2026)



“The time is always right
to do what is right.”

Martin Luther King Jr.

BAB 4

TADBIR URUS



Mekanisme PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN

SACP 2022 - 2026 merupakan satu dokumen dasar yang dibangunkan sebagai salah satu komitmen pengurusan dalam memastikan sistem pencegahan rasuah di SPA dilaksanakan secara sistematik. Pemantauan dan penilaian terhadap inisiatif yang dipilih perlu dilakukan supaya pelaksanaannya mencapai matlamat yang ditetapkan. Laporan pencapaian

pelaksanaan pelan tindakan akan dibentangkan kepada Pengurusan Tertinggi dalam Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) SPA yang dijadualkan tiga (3) kali setahun. Penilaian pencapaian pelan akan dilaksanakan setiap tahun manakala semakan semula keberkesanan SACP akan dilaksanakan pada tahun 2024.

Struktur

TADBIR URUS

JAWATANKUASA ANTIRASUAH (JAR)

**TERMA
RUJUKAN**

Menerima Laporan Pencapaian Pelaksanaan Pelan Antirasuah

Mendapatkan penjelasan daripada pelaksana Pelan Tindakan

Menimbang dan membuat keputusan

JAWATANKUASA PELAKSANAAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIAN

Dipengerusikan oleh:
Timbalan Setiausaha (Perkhidmatan)

Keahlian:
Semua Setiausaha Bahagian dan Ketua Unit

Urus Setia:
Unit Integriti

**TERMA
RUJUKAN**

Memantau, menilai dan melapor pencapaian Pelan Antirasuah.

Memastikan setiap pelan tindakan dilaksanakan dan dipatuhi mengikut tempoh sasaran yang telah ditetapkan.

Memastikan laporan pencapaian Pelan Antirasuah dikemukakan kepada Pengurusan Tertinggi sebanyak tiga (3) kali setahun dan dibentangkan dalam Mesyuarat JAR untuk pertimbangan dan keputusan.

Menilai dan menyemak semula keberkesanan Pelan Antirasuah setiap tahun.

“ Sesiapa di kalangan kamu yang melihat kemungkaran maka hendaklah dia mencegah dengan tangannya sekiranya dia tidak mampu hendaklah dia menegah dengan lidahnya, sekiranya dia tidak mampu maka dengan hatinya, dan itulah selemah-lemah iman. ”

Hadis Sahih
Riwayat Muslim

BAB 5

KESIMPULAN



Kesimpulan

Komitmen dalam menyokong dasar antirasuah kerajaan oleh SPA dizahirkan melalui kewujudan SACP 2022 - 2026 ini. Ia adalah selari dengan dasar Kerajaan untuk mewujudkan negara bebas rasuah dan memperbaiki kedudukan Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah / *Corruption Perception Index* (CPI). Pelan ini telah menggariskan 25 pelan tindakan yang perlu dilaksanakan bagi menangani kelemahan tadbir urus dan membendung salah laku dalam kalangan warga SPA. Dalam memastikan objektif SACP ini tercapai, komitmen semua pihak adalah amat diharapkan terutamanya dari segi tindakan serta memastikan sumber manusia dan kewangan adalah mencukupi sebagaimana yang diperlukan. Selain itu, pemantauan dan kajian keberkesanan secara berterusan perlu dilakukan dari semasa ke semasa bagi memastikan ia kekal relevan. Pelan tindakan ini akan disemak semula pada tahun 2024 dengan mengambil kira pencapaian pada masa tersebut.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak dan individu yang terlibat dalam menyiapkan SACP 2022-2026:

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Utama Zainal Rahim
bin Seman
Pengerusi SPA

YBhg. Datuk Zohari bin Said
Setiausaha SPA

YBhg. Datuk Ikhbal Hanam bin Mukras
Timbalan Setiausaha (Perkhidmatan)

YBrs. Tuan Haji Ghazali bin Hizam
Timbalan Setiausaha (Pengambilan)

Puan Asfah binti Asmara
Setiausaha
Bahagian Pengambilan

Encik Ali Sadikin bin Sadin
Setiausaha
Bahagian Pengambilan Khas

Encik Mohd Badrie bin Abd Rahim
Setiausaha
Bahagian Perkhidmatan

Encik Khalid bin Ahmad Dahlan
Setiausaha
Bahagian Penilaian Kompetensi

Puan Norazian binti Kamaruddin
Setiausaha
Bahagian Naik Pangkat dan Tatatertib

Encik Md. Anuar bin Bidin
Setiausaha
Bahagian Digital dan Informatik

Encik Mohammad Azhari bin Salleh
Setiausaha
Bahagian Khidmat Pengurusan

Puan Ismawati binti Ibrahim
Setiausaha
Bahagian Dasar dan Perhubungan Korporat

Puan Ervinah Kebahi @ Syarafina bt Ibrahim
Setiausaha
Urus Setia SPA Cawangan Sabah

Puan Suriani binti Saruji
Setiausaha
Urus Setia SPA Cawangan Sarawak

Encik Mohammad Nasrol bin Mat Nasir
Setiausaha
Urus Setia Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman
dan Perundangan

Encik Wan Zulhazmi bin Wan Yusof
Setiausaha
Urus Setia Mesyuarat Suruhanjaya

Puan Salwa binti Mhd Asrar
Penasihat Undang-Undang

Puan Nabilah Husna binti Mohd Tahir
Pegawai Undang-Undang

AHLI JAWATANKUASA PEMBANGUNAN SACP 2022-2026

Pengerusi

YBhg. Datuk Ikhbal Hanam bin Mukras
Timbalan Setiausaha (Perkhidmatan)

Bahagian Pengambilan

Dr. Azmi bin Omar
Puan Nur Husna binti Muhammad Yusoff

Bahagian Pengambilan Khas

Puan Farzana binti Ahmad Riza
Puan Nur Azzahraa binti Azman

Bahagian Penilaian Kompetensi

Encik Mohd Saiful Nizam bin Mohd Anuar
Puan Nurul Farhana binti Abdullah

Bahagian Perkhidmatan

Encik Herman Peter Alek
Puan Taiibah binti Md Ridzuan

Bahagian Digital dan Informatik

Puan Shahiza binti Shahar
Puan Azie Uraya binti Ahmad

Bahagian Naik Pangkat dan Tatatertib

Puan Nor Ilanah binti Roslan
Encik Johan bin Abu Bakar

Bahagian Khidmat Pengurusan

Puan Nur Akmar binti Ab. Rahman
Puan Fazni Arina Auni binti Fazni Sani

Bahagian Dasar dan Perhubungan Korporat

Puan Norhaslily binti Che Ghani
Tuan Ahmad Fakhrudin bin Tuan Rosdi

Bahagian Urus Setia Mesyuarat Suruhanjaya

Encik Muhd Afiq Redza bin Ahmad Phesal
Encik Ahmad Muharam bin Mohd Ariff

Urus Setia SPKP

Puan Siti Khadijah binti Bharum
Encik Mohd Rahmat bin Abdul Kaiyim

Urus Setia SPA Cawangan Sarawak

Puan Amelna binti Anuar
Encik Ahmad Rozanie bin Roslan

Urus Setia SPA Cawangan Sabah

Encik Md Razie bin Harun Madin
Puan Emelissa Peter

TENAGA PENGAJAR DARI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

KPKPj Azian binti Umar
PPj Mohd Hasraff bin Hashim
PsK Mohd Hamzah bin Abdullah
PsK Azlin binti Ahmad
PsK Shani bin Mandu
PsK Sorfina 'Izzati binti Mohd Said
KPKPs Noor Azlan bin Abdul Rahman

PASUKAN SEKRETARIAT

Encik Muhammad Zaim bin Mohd Zuki
Puan Maszlinda Natasha binti Zainiar (Mantan KUI)
Puan Siti Misyati binti Yatiman



Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia

Aras 1, 2 & 4 -13, Blok F1, Kompleks F, No.2, Lebuhraya Perdana Timur A, Presint 1,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62000 Putrajaya, Malaysia.

Telefon: +603 8091 9000

www.spa.gov.my